

*CONFERENCE PROCEEDING*

## **Analisis rubu' mujayyab dan sumbangan tuan guru haji Ibrahim**

Aiman Fariz Zaqwan Bin Akmal Hizam<sup>1</sup>, Muhammad Zakiyuddin Bin Zaidi<sup>1</sup>, Dr. Ahmad Fuad Bin Mohamad Amin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*\*Corresponding author: aimanfariz33@gmail.com*

### **ABSTRAK**

Ilmu falak adalah satu cabang ilmu mantik yang membahaskan mengenai posisi benda-benda di langit serta perederannya. Sejalan dengan itu, ilmu falak boleh diaplikasikan dalam aktiviti-aktiviti harian manusia. Allahyarham Tuan Guru Haji Ibrahim ialah seorang ulama' falak yang telah memberi banyak kontribusi dalam disiplin ilmu falak, antaranya mengkomposisi kalendar masuk waktu solat untuk Negeri Sembilan, mengarang kitab-kitab agama, serta mencerap anak bulan bagi bulan-bulan Islam untuk menentukan tarikh puasa dan raya di Negeri Sembilan. Alat falak yang dipakai oleh tokoh ialah Rubu' Mujayyab. Kajian ini memberi fokus kepada sumbangan dan perincian alat yang dipakai oleh tokoh. Implikasi penerokaan kajian ini adalah bagi menghidupkan kembali ilmu falak tradisional yang semakin dipinggirkan dan mengangkat martabat ulama' falak di Malaysia.

**Kata kunci:** Ilmu falak, Ulama', Rubu' Mujayyab

### **PENGENALAN**

Allahyarham Tuan Guru Haji Ibrahim Md Dahan merupakan ulama' kelahiran Negeri Sembilan yang lahir pada 13 Ogos 1907 bersamaan dengan 1 Rabiulawal 1328 hijrah dan menghembuskan nafas terakhir pada 3 Ogos 1997. Allahyarham Tuan Haji Ibrahim Md Dahan banyak mengajar ilmu-ilmu agama seperti tauhid dan fiqh, namun beliau paling dikenali dengan kepakaran beliau di dalam ilmu falak.

Rubu' Mujayyab merupakan sebuah alat yang digunakan oleh tokoh Allahyarham Tuan Guru Haji Ibrahim Md Dahan bagi melaksanakan tugas-tugas berkaitan falak yang berbentuk sekeping papan.

Kajian ini bertujuan untuk menghidupkan kembali ilmu falak tradisional yang semakin dipinggirkan serta menghargai sumbangan tokoh kepada kemaslahatan negara. Secara spesifiknya, kajian ini menitikberatkan penggunaan Rubu' Mujayyab ciptaan tokoh serta ciri-cirinya disamping memberi fokus kepada sumbangan-sumbangan tokoh dalam disiplin ilmu falak terhadap negara.

### **METODOLOGI**

#### **Temubual**

Satu sesi temubual bersama diadakan bersama 3 orang ahli waris Tuan Guru Haji Ibrahim Bin Md. Dahan, iaitu anak-anak beliau (Haji Muhamad – Anak Ketiga, Haji Abu Bakar – Anak Kelima, dan Haji Omar – Anak Keenam) bagi bertanyakan tentang kisah hidup Allahyarham. Sebuah sesi temubual berasingan juga telah diadakan

bersama alumni USIM dan bekas pegawai JAKIM, Ahmad Ibrahim Azam, bagi bertanyakan mengenai perincian Rubu' Mujayyab.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Anatomi Rubu'

Anatomi Rubu' Mujayyab milik tokoh terdiri daripada 12 ciri umum Rubu' Mujayyab dan 1 ciri khusus.

12 ciri umum Rubu' Mujayyab yang terdapat pada Rubu' milik tokoh ialah:

1. Markaz (Titik tengah rubu', tempat cucuk tali/benang) – مركز
2. Qaus Irtifa' (قوس الإرتفاع) – Lengkungan di bahagian bawah rubu', ada 18 rumah, setiap rumah menandakan 5 darjah. Bahagian ini mempunyai 12 nama-nama buruj di dalam Bahasa Arab.
3. Sittiini (سيتيني) – Garisan dari markaz hingga akhir qaus di bahagian hadafah dan mempunyai nilai 0 hingga 60.
4. Jaib At-Tamam (جيب التمام) — Garisan dari markaz hingga awal qaus, ada nilai 0 hingga 60.
5. Juyub Mabsutoh (جيوب مبسوطة) — Garisan-garisan yang turun dari sittini sehingga Qaus.
6. Juyub Ma'kusah (جيوب معكوسة) — Garisan-garisan yang turun daripada jaib At-tamam ke Qaus.
7. Da'irah Al-Miil (دائرة الميل) — Garisan lengkung seperempat bulatan yang keluar pada 24° daripada dan kepada sitiini atau jaib at-tamam.
8. Qo'imah al-Zil al-Mabsut (قائمة الظل المبسوط) — Garisan yang turun dari sitiini kepada Qaus
9. Qo'imah al-Zil al-Mankus (قائمة الظل المنكوس) — Garisan yang turun daripada Jaib At-Tamam kepada Qaus.
10. Qaus Al-'asr (قوس العصر) — Lengkung waktu asar.
11. Da'irah At-Tajyiib (دائرة التجيب) — Garisan lengkung yang bermula dari markaz dan berakhir di Qaus.
12. Hadafataanni (هدفتان) — Dua binaan yang terkeluar dari rubu' mujayyab yang ada pada sisi rubu' di sittini.

1 ciri khusus Rubu' milik tokoh ialah sebuah inskripsi di Rubu' di dalam tulisan Jawi: "Diperbuat dan diciptakan rubu' ini dengan perbelanjaan Al-Hatir Muhammad Soleh Bin Haji Harun Kemboja. Tiada dibenarkan sesiapa mengecapnya. 9 Safar 1353".

### Fungsi Rubu'

Rubu' boleh digunakan untuk menentukan arah kiblat (Ansori, 2022; Indraswati, 2020, Al-Ikhsan, 2021), menentukan masuk waktu solat (Zaki et al., 2014, Rohmah, 2021), mencerap anak bulan, dan mempelajari ilmu matematik (Butar et al., 2020) seperti trigonometri.

### Sumbangan Tuan Guru Haji Ibrahim Md. Dahan

Dengan menggunakan kepakaran ilmu falak dan Rubu' Mujayyab, beliau telah menerbitkan kalendar masuk waktu solat bagi Negeri Sembilan dan negeri-negeri berdekatan, serta mencerap anak bulan bagi menentukan tarikh puasa dan raya bagi negeri-negeri di Malaysia. Selain itu, Tuan Guru Haji Ibrahim juga telah mengarang

banyak kitab sepanjang hayat beliau yang meliputi ilmu falak, tahuid, fiqh, dan lain-lain cabang agama. Antara kitab tulisan beliau yang masih ada sehingga sekarang ialah kitab Nurul Aulad dan kitab Silahul Ghilman. Kebanyakan hasil tulisan beliau juga masih disimpan dan dijaga dengan rapi oleh waris-waris beliau.



**Rajah 1.** Rubu' Mujayyab milik tokoh

### **KESIMPULAN**

Penggunaan Rubu' Mujayyab oleh tokoh telah menyumbang kepada disiplin ilmu falak negara. Kajian ini diharapkan mengangkat kehormatan tokoh Allahyarham Tuan Guru Haji Ibrahim serta memberi implikasi yang positif terhadap disiplin ilmu falak di negara.

### **PENGHARGAAN**

Beribu penghargaan diberikan kepada pihak pengurusan Kolej GENIUS Insan atas tajaan lawatan ke Madrasah Tuan Haji Ibrahim di Kampung Bongek, Rembau, dan lawatan ke Balai Cerap Port Dickson. Kami juga berterima kasih kepada Ibrahim Muhammad Azam (alumni USIM), Haji Abu Bakar, Haji Omar dan Haji Muhamad (Anak-anak Tuan Guru Haji Ibrahim) atas kerjasama membantu pihak kami mengumpul data kajian.

### **RUJUKAN**

- Zaki, N. H. A., Zainuddin, M. Z., Ali, A. K., Wahab, R. A., Nawawi, M. S. A. M., Niri, M. A., & Ismail, K. (2014). Penentuan Waktu Solat Subuh Menggunakan Rubu'Mujayyab di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 11, 97-118.
- Ansori, M. (2022). Penentuan Arah Kiblat Menggunakan Rubu'Mujayyab. *El-Faqih: Jurnal Pemikiran dan Hukum Islam*, 8(1), 131-148.
- Indraswati, L. N. F. (2020). RUBU'MUJAYYAB SEBAGAI ALAT HISAB RASHDUL KIBLAT. *Ahkam: Jurnal Hukum Islam*, 8(1).
- AL-IKHSAN, M. U. H. A. M. M. A. D. (2021). Analisis hisab arah kiblat menggunakan rubu'mujayyab dalam kitab Taqrib Al-Maqshad.
- Rohmah, S. N. (2021). *Perhitungan Awal Waktu Sholat Menggunakan Metode Rubu'Mujayyab (Di Pondok Pesantren Annida Al Islamy Bekasi)* (Bachelor's thesis, Fakultas Syariah dan Hukum UIN Syarif Hidayatullah Jakarta).
- Butar-Butar, A. J. R., Setiawan, H. R., & Hidayat, M. (2020). Pemanfaatan Media Rubu'Al-Mujayyab Pada Pembelajaran Matematika di Sekolah. *Idrak: Journal of Islamic Education*, 2(2), 223-238.